



PERANAN SEKUNDER WAKIL RAKYAT

Selain memikul beberapa peranan utama seperti telah dibincangkan dalam Bab Tujuh dan Lapan, wakil rakyat turut mempunyai tanggungjawab sekunder. Peranan sekunder merupakan tanggungjawab 'tambahan' yang dimainkan oleh wakil rakyat sama ada untuk kepentingan kerajaan, parti politik dan rakyat. Pelaksanaan tanggungjawab tambahan tersebut dapat dilihat melalui penglibatan wakil rakyat dalam organisasi bukan politik dan tidak berasaskan keuntungan tetapi bersifat sukarela seperti dalam NGO dan badan berkanun. Walaupun terdapat juga wakil rakyat dilantik ke dalam GLC dan beberapa jawatankuasa di peringkat persekutuan dan negeri, di mana ia lebih bersifat formal, tetapi ia bukanlah tugas hakiki pemimpin politik berkenaan.

Kebanyakan peranan sekunder menurut analisis Mickel (2010) melibatkan aktiviti berbentuk khidmat sosial (*social services*) atau kerja sosial (*social works*). Tanggungjawab ini dilakukan bersama masyarakat dalam kawasan pilihan raya (*constituencies*). Melalui peranan sekunder, wakil rakyat dapat berbakti dan berkhidmat kepada rakyat dengan cara menyertai aktiviti atau program yang dianjurkan oleh masyarakat (komuniti), NGO, badan sukarela, persatuan sukan dan GLC melalui program tanggungjawab sosial korporat. Di pihak rakyat, tanggungjawab seperti inilah yang sentiasa diharapkan dan banyak tumpuan diberi terhadap peranan wakil rakyat untuk menyelesaikan segala masalah dan isu yang dihadapi kerana ia melibatkan kepentingan dan keperluan harian mereka. Ini adalah persepsi rakyat terhadap

tanggungjawab pemimpin yang telah mereka pilih. Lantaran itu, mereka sangat berharap wakil rakyat dapat menyelesaikan masalah yang mereka hadapi (Abdullah Muda, 1996: 16).

Dalam sistem politik Malaysia, pemahaman rakyat terhadap peranan wakil rakyat seperti di atas telah wujud sejak sekian lama. Lagipun ia tidak bercanggah dengan sebarang nilai, etika dan undang-undang. Pelaksanaan peranan sekunder memperlihatkan hubungan antara pemimpin dan rakyat (Lively, 2007: 32). Dalam sistem sistem berperwakilan, hubungan ini membentuk konsep '*patron-client*' yang menggambarkan wujudnya situasi 'memberi dan menerima' antara pemimpin dan rakyat. Rakyat sentiasa berharap pemimpin dapat menyelesaikan masalah yang mereka hadapi dengan sebaik mungkin. Dengan kata lain, pemimpin berupaya menyediakan pelbagai kemudahan dan ganjaran kepada pengikutnya (Nye Jr, 2008: 62). Kemudian pemimpin pula mendapat sokongan daripada rakyat. Dalam politik naungan (*patronage*), situasi 'memberi dan menerima' membentuk hubungan antara pemimpin dan rakyat termasuklah seperti dalam pelaksanaan tanggungjawab sekunder. Sebenarnya tanggungjawab sekunder merupakan pelengkap kepada peranan utama yang telah dibincangkan dalam bab-bab sebelum ini. Di pihak rakyat, mereka lebih banyak memberi tumpuan kepada peranan sekunder berbanding peranan primer. Misalnya, rakyat berharap pemimpin dapat menyelesaikan masalah dan isu yang mereka hadapi dengan sebaik mungkin. Bahkan, mereka sentiasa mengalu-alukan penyertaan dan penglibatan wakil rakyat dalam pelbagai aktiviti dan program yang dianjurkan. Justeru, bab ini menganalisis peranan sekunder wakil rakyat melalui penglibatannya dalam NGO (merangkumi pelbagai kategori), badan sukarela, badan berkanun, GLC dan jawatankuasa dalam majlis di peringkat persekutuan dan negeri sebagai AJK, Penaung, Penasihat, Pengerusi dan Patron.